

# Tiga faktor Khazanah kerugian

BERITA HARAPAN  
6/3/19

➔ Yakin mampu kembali catat untung tahun ini didorong susut nilai lebih rendah

Oleh Nurhayati Abillah dan Nora Mahpar  
bhbiz@nstp.com.my

**P**eruntukan bagi susut nilai yang lebih tinggi seiring dengan ketidak-tentuan pasaran, pendapatan dividen yang berkurangan dan keuntungan pelupusan lebih rendah menjadi punca Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) mencatatkan kerugian sebelum cukai RM6.271 bilion pada 2018 berbanding keuntungan RM2.896 bilion tahun sebelumnya. Ia kerugian pertama Khazanah sejak 2005.

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, prestasi sayap pelaburan strategik negara itu pada 2018 terkesan akibat ketidak-tentuan ekonomi global sepanjang tahun lalu yang menyaksikan pasaran yang perlahan berikutan ketegangan geopolitik dan prospek pertumbuhan kurang membe-rangsangkan bagi pasaran baharu muncul.

"Selain itu, portfolio kumpulan

juga dipengaruhi oleh perkembangan domestik termasuk tinjauan pendapatan yang suram dan beberapa perubahan dalam pengawalsel-iaan dalam tempoh dikaji.

"Pada masa sama, kerajaan turut menyuntik nafas baharu terhadap Khazanah yang memabatkan perubahan besar, termasuk mandat baharu.

"Penyusunan semula organisasi yang sedang dijalankan ini akan membolehkan kami melaksanakan peranan bagi mengembangkan kekayaan jangka panjang Malaysia

bermula tahun ini dan kembali mencatat keuntungan," katanya mengemukakan Ulasan Tahunan Khazanah 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

## Aset tunai berkurangan

Nilai portfolio menerusi Nilai Bersih Dilaraskan (NWA) Khazanah mero-sot kepada RM91 bilion pada 2018, susut 21.6 peratus daripada RM116 bilion pada 2017.

Bagi tempoh sama, aset boleh tunai berkurangan kepada RM136 bilion daripada RM157 bilion.

Prestasi pasaran syarikat utama yang dilabur oleh Khazanah susut pada 2018 termasuk Axiata (-26.9 peratus), Telekom Malaysia Bhd (-56.9 peratus), Tenaga Nasional Bhd (-7.9 peratus), IHH Healthcare (-7.6 peratus) CIMB (-9.3 peratus) dan Malaysia Airports Holdings Bhd (-3.3 peratus). Mengulas lanjut, Shahril Ridza berkata tahun lalu adalah tempoh sukar bagi pasaran global dan tidak hanya berlaku di Malaysia.

"Hampir semua pasaran berakhir dalam prestasi negatif pada 2018. Ini disebabkan oleh pelbagai

faktor termasuk ketegangan politik di peringkat global," katanya

Meskipun begitu, beliau menegaskan Khazanah diyakini kembali mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan berakhir 31 Disem-ber 2019, didorong oleh susut nilai lebih rendah serta pelaksanaan strate-gi pengimbangan semula portfolio.

Pada 2018, kerajaan memulakan penstrukturan dan penyusunan semula Khazanah, memabatkan perubahan kepimpinan dan pe-ngurusan kanan dalam Lembaga Pengarah.



**KHAZANAH AKAN MENERUSKAN DUA OBJEKTIF MENERUSI STRUKTUR PELABURAN DWIDANA**



### DANA KOMERSIAL

Dana kekayaan antara generasi untuk memenuhi objektif komersial Khazanah Sasaran pulangan

Indeks Harga Pengguna (IHP) +3.0% bagi asas kitaran 5 tahun

### ASET AWAM

### ASET PERSENDIRIAN

### ASET STRATEGIK

### ASET PEMBANGUNAN

### DANA STRATEGIK

Dana kekayaan antara generasi untuk memenuhi objektif komersial Khazanah Sasaran pulangan

Indeks Harga Pengguna (IHP) +3.0% bagi asas kitaran 5 tahun

### ASET STRATEGIK

### ASET PEMBANGUNAN

GRAFIK BH